

**PROGRAM BERSAMA KOMUNITI SETEMPAT DI KORIDOR BELUM-TEMENGOR
ANJURAN PROJEK UNDP/GEF-GoM: *IMPROVING CONNECTIVITY IN THE CENTRAL
FOREST SPINE LANDSCAPE (IC-CFS)***

Disediakan oleh: Dr. Agkillah Maniam
State Project Coordinator IC-CFS

Satu sesi penglibatan komuniti ini telah dianjurkan di bawah UNDP/GEF-GoM: *Improving Connectivity in the Central Forest Spine Landscape (IC-CFS)* secara bersama oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN). Program tersebut telah diadakan dari 5 hingga 8 November 2022 dan telah melibatkan tiga (3) buah kampung atau penempatan di Daerah Hulu Perak iaitu RPS Air Banun, Kampung Sungai Tiang di Taman Negeri Royal Belum, serta Kampung Chuweh di Hutan Simpan Temengor. Program tersebut telah melibatkan seramai 173 orang yang terdiri daripada 101 lelaki dan 72 wanita, yang berumur di antara 17 hingga 75 tahun.

Beberapa pegawai kanan daripada kedua-dua agensi telah dilantik sebagai fasilitator dan moderator bagi sesi-sesi yang telah diadakan mengikut kampung atau lokasi. Selain daripada penglibatan pegawai-pegawai kanan tersebut juga, konsultan daripada organisasi Kemban Kolektif yang diketuai oleh Cik Suri Kempe dan ahli pasukannya Cik Alexandria Suseela Mc Carthy dan Cik Adila Ali telah dilantik untuk membantu dengan konsultasi bersama kaum Wanita sepanjang program tersebut. Program tersebut juga telah diselaraskan oleh kakitangan Perbadanan Taman Negeri Perak bagi Kampung Sungai Tiang dan Malayan Nature Society bagi Kampung Chuweh.

Objektif sesi penglibatan komuniti ini adalah untuk mendapatkan maklum balas daripada komuniti tempatan mengenai aktiviti yang disokong dan dibiayai oleh projek IC-CFS dan mengenal pasti kemahiran insaniah dan latihan yang diperlukan untuk meneruskan lagi program komuniti yang telah dimulakan dan dijalankan di bawah projek IC-CFS. Sesi penglibatan komuniti tersebut bertujuan untuk memupuk hubungan positif antara agensi-agensi kerajaan dan masyarakat tempatan, serta meningkatkan penglibatan wanita dan belia dari kampung-kampung yang terlibat.

Secara amnya, peserta-peserta yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang disokong dan dibiayai oleh projek IC-CFS dan telah mengemukakan beberapa cadangan untuk meneruskan atau mengembangkan lagi aktiviti dan pencapaian yang sedia ada. Antara cadangan yang telah diberikan adalah untuk memanjangkan lagi tempoh masa serta meningkatkan lagi frekuensi kursus-kursus latihan yang telah dianjurkan, meningkatkan bilangan produk dan infrastruktur bagi aktiviti ekopelancongan di lanskap tersebut serta mewujudkan lebih banyak peluang untuk kaum wanita tanpa membebankan mereka.



Komuniti di Kampung Chuweh



Perbincangan bersama kaum lelaki di Kampung Chuweh



Perbincangan bersama kaum lelaki di Kampung Sungai Tiang



Perbincangan bersama kaum wanita di Kampung Sungai Tiang



Perbincangan bersama kaum wanita di Kampung Sungai Tiang



Perbincangan bersama kaum lelaki di RPS Air Banun



Pengagihan kemeja-T kepada peserta yang hadir